

Headline	Pesara guru rindu keluarga di Malaysia		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 May 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	14	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	177 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,969
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,907



Pesara guru rindu keluarga di Malaysia

KUALA LUMPUR: Selepas lebih tujuh bulan mengharungi kembara berbasikal di beberapa negara menuju ke London, pesara guru, Adnan Osman, 69, mengakui dirinya merindui keluarga serta aktiviti rutin hariannya di Malaysia.

Sehubungan itu, melalui laman blognya (www.oadnanxtreme.blogspot.com), beliau berharap perjalanannya selepas ini berjalan lancar tanpa sebarang masalah besar.

Katanya, perjalanan berbaki 2,000 kilometer yang akan melalui beberapa bandar, pekan serta jalan di kawasan perkampungan dan kini memasuki Jerman.

“Saya sebenarnya lebih awal daripada jadual, justeru, berharap dapat mengambil masa dalam laluan seterusnya dengan melawat lokasi menarik sepanjang perjalanan.

“Menariknya, mengembara melalui jalan darat ke Eropah adalah kebebasan memasuki sempadan se-

tiap negara, malah ada kemungkinan tidak menyedari sudah memasuki ke negara lain.

“Di sempadan hanya papan tanda kecil diletakkan bagi memaklumkan pengembara akan meninggalkan Austria dan memasuki Jerman,” katanya.

Adnan memulakan kembara berbasikal di Taman Jaya, Petaling Jaya dan menempuh pelbagai dugaan sepanjang perjalanannya.

Misi berbasikal ini adalah satu usaha murni beliau mengutip dana untuk Yayasan AIDS Malaysia (MAF).

Orang ramai yang ingin memberikan sumbangan boleh meny lurkannya menerusi akaun Maybank Adnan, 114124022160 atau Yayasan Aids Malaysia, 514105421257.

Katanya, ketika berada di Austria dan Passau (Jerman) beliau turut ditemuramah oleh wartawan yang berminat dengan kisah perjalanannya.



ADNAN akan meninggalkan Austria dan memasuki Jerman.